



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
(MARA)**

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 Kuala Lumpur

Bil. MARA :UUM/SPA/001

Tarikh: 17 April 2017

**SURAT PEKELILING AM MARA BIL. 3/2017
MARA ECOSYSTEM QUALITY STANDARD
(MQS)**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan menyediakan garis panduan pelaksanaan pensijilan *MARA Ecosystem Quality Standard (MQS)* kepada semua Pusat Pentadbiran MARA.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Bil. 1/2014 pada 9 Januari 2014 telah menetapkan Bahagian Pengurusan Risiko Dan Inspektorat MARA (BPIN) menjadi bahagian penyelarasan dan pemantau kepada pelaksanaan QE/5S dalam MARA. Keputusan ini dibuat bagi memastikan pelaksanaan Budaya Amalan QE/5S direalisasi dan dihayati oleh semua warga MARA.
- 2.2 Pengurusan MARA, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Bil. 10/2016 pada 28 Jun 2016 telah meluluskan penggunaan *MARA Ecosystem Quality Standard (MQS)* bagi menggantikan QE/5S.

- 2.3 Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) melalui surat bertarikh 24 Februari 2017, telah bersetuju membenarkan penggunaan *MARA Ecosystem Quality Standard (MQS)* di semua Pusat Pentadbiran MARA.

3. DEFINISI / TAFSIRAN

Erti kata yang digunakan dalam pekeliling ini membawa maksud seperti berikut:

- 3.1 *MARA Ecosystem Quality Standard (MQS)* adalah standard pengukuran pembudayaan korporat, persekitaran kondusif serta kreativiti dan inovasi di semua Pusat Pentadbiran MARA.
- 3.2 Pegawai Mengawal Pusat (PMP) adalah pegawai yang bertanggungjawab mengawal Pusat Pentadbiran MARA.
- 3.3 Pegawai MQS adalah pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk MQS untuk membuat verifikasi terhadap Penilaian Kendiri MQS yang telah dilaksanakan oleh Pusat Pentadbiran MARA bagi tujuan pensijilan.
- 3.4 Pusat Pentadbiran MARA adalah semua Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat, Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Luar Negara, Pejabat MARA Daerah, Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti Maktab Rendah Sains MARA, Kolej MARA, Kolej Profesional MARA, Institut Kemahiran MARA dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA; Institusi Latihan dan Kecemerlangan MARA (ILKM), Pusat Kepimpinan Kecemerlangan Pelajar MARA (PUSKEP); dan Syarikat serta Perbadanan di bawah MARA.

4. OBJEKTIF

- 4.1 Mewujudkan kualiti ekosistem yang perlu dipatuhi di semua Pusat Pentadbiran MARA meliputi budaya korporat, persekitaran kondusif termasuk elemen keselamatan dan kesihatan pekerjaan, keselamatan perlindungan dan penjana idea, kreativiti serta inovasi dalam kalangan warga kerja.
- 4.2 Menyeragamkan pelaksanaan, cara kerja dan pemantauan pembudayaan MQS di semua Pusat Pentadbiran MARA supaya dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam sistem penyampaian.

5. PELAKSANAAN

- 5.1 Pelaksanaan Pensijilan MQS adalah untuk memastikan pembudayaan amalan 5S dihayati oleh semua warga kerja MARA serta pematuhan kepada peraturan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan keselamatan perlindungan.
- 5.2 Manual MQS yang telah disediakan oleh BPIN adalah sebagai panduan dan rujukan kepada semua Pusat Pentadbiran MARA dalam melaksanakan Pensijilan MQS.
- 5.3 BPIN bertanggungjawab untuk menguruskan Pensijilan MQS melalui Jawatankuasa Induk MQS.
- 5.4 Pusat Pentadbiran MARA perlu mewujudkan Jawatankuasa MQS yang terdiri daripada:-
 - 5.4.1 Jawatankuasa Pelaksana
 - 5.4.2 Jawatankuasa Audit
 - 5.4.3 Jawatankuasa Latihan
 - 5.4.4 Jawatankuasa Promosi

- 5.5 Pusat Pentadbiran MARA dikehendaki melaksanakan proses penilaian sendiri berdasarkan Senarai Semak MQS yang terkandung dalam Manual MQS. Senarai Semak MQS adalah berbeza mengikut pusat seperti berikut:-
- 5.5.1 Ibu Pejabat MARA
 - 5.5.2 PMN/PMD
 - 5.5.3 IPMa
- 5.6 Permohonan untuk mendapat Pensijilan MQS dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Induk MQS. Pusat yang mencapai markah penilaian sendiri 85% dan ke atas layak memohon Pensijilan MQS daripada Jawatankuasa Induk MQS.
- 5.7 Permohonan untuk mendapatkan Pensijilan MQS adalah menggunakan Borang MQS 01.
- 5.8 Verifikasi markah penilaian sendiri yang dibuat oleh pusat akan dikendalikan oleh Pegawai MQS yang dilantik sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk MQS bagi tujuan pensijilan.
- 5.9 Keputusan Pensijilan MQS adalah sepertimana di bawah:-
- 5.9.1 Lulus apabila mencapai markah purata 85% ke atas.
 - 5.9.2 Lulus Bersyarat apabila mencapai markah purata di antara 80% sehingga 84%.
 - 5.9.3 Gagal apabila mencapai markah purata 79% dan ke bawah.
- 5.10 Tempoh sah laku Pensijilan MQS adalah selama dua (2) tahun.

6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI MENGAWAL PUSAT


6.1 Pegawai Mengawal Pusat hendaklah memaklumkan dan mengedarkan Surat Pekeliling ini kepada semua warga kerja dan memastikan peraturan ini dipatuhi.

7. TARIKH KUATKUASA

7.1 Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Membandarkan Luar Bandar”



DATUK IBRAHIM BIN AHMAD
Ketua Pengarah
MARA

‘Keusahawanan dan Pendidikan Global’
‘Amanah rakyat’

